

Demokrasi Siber Di Malaysia Pasca Pilihan Raya Umum Ke-10

Cyber Democracy In Malaysia After The 10Th General Election

Shaily Yasmin Abdullah
¹Sharifah Nursyahidah Syed Annuar

Program Sains Politik
Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mel: ¹shnursyahidah@ukm.edu.my

ABSTRAK

Perkembangan Internet di dunia sedikit sebanyak menyumbang kepada Gelombang Pendemokrasian Ketiga. Fenomena tersebut merupakan sebuah proses transformasi sistem demokrasi ke arah pemerintahan yang bercorakkan demokrasi siber. Demokrasi siber merupakan bentuk kebebasan dalam dunia maya apabila seseorang dapat mengemukakan pandangan di mana-mana platform Internet tanpa sekatan. Malaysia juga sedang mengalami proses demokrasi siber tersebut sejak dari tahun 1999 ketika Pilihan Raya Umum (PRU) ke-10. Ia berikutan daripada gerakan Reformasi yang berjuang atas isu pemecatan Anwar Ibrahim daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan pemenjaraan Anwar. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji perkembangan fenomena demokrasi siber di Malaysia pasca PRU ke-10 sehingga kini. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dengan mendapatkan sumber bahan sekunder seperti buku, jurnal dan artikel. Kajian ini mendapati bahawa berlakunya evolusi platform media dari media tradisional iaitu media cetak kepada media baharu iaitu media sosial dalam mendapatkan maklumat politik dan seterusnya mencetuskan pendemokrasian maklumat yang lebih pantas. Antara media baharu yang sering digunakan oleh rakyat Malaysia ialah Facebook, Twitter dan Malaysiakini. Kajian ini juga mendapati bahawa pendukung demokrasi siber tidak terhad kepada mana-mana golongan usia. Namun, belia merupakan antara pengguna media baharu yang signifikan dengan demokrasi siber kerana mereka lebih mudah mengadaptasi perubahan teknologi, mengaplikasi kemudahan teknologi maklumat dan seterusnya memberikan kesan terhadap pendemokrasian di Malaysia. Kesimpulannya, perkembangan demokrasi siber di Malaysia sedikit sebanyak menyumbang kepada pendemokrasian dengan berlakunya pertukaran rejim pada peringkat persekutuan menerusi PRU ke-14.

Kata kunci: *Internet, demokrasi siber, pendemokrasian, media baharu, belia*

ABSTRACT

The development of the Internet in the world to some extent contributed to the Third Wave of Democratization. The phenomenon is a process of transformation of a democratic system towards a government that has cyber democracy. Cyber democracy is a form of freedom in the virtual world where an individual can present views on any Internet platform without restrictions. Malaysia has also been experiencing the process of cyber democracy since 1999 during the 10th General Election. It follows on from the Reformasi movement which fight over the issue of the sacking of Anwar Ibrahim from the post of Deputy Prime Minister and Anwar's imprisonment. Therefore, this study aims to examine the development of the phenomenon of cyber democracy in Malaysia from the 10th general election until now. This study uses the qualitative method of library method by obtaining secondary sources materials such as books, journals, and articles. This study found that the evolution of media platforms from traditional media such as printed media to new media such as social media in obtaining political information thus triggers faster democratization of information. Among the new media that Malaysians often use are Facebook, Twitter, and Malaysiakini. The study also found that supporters of cyber democracy are not limited to any age group. However, the youths are among the new media users who are significant to cyber democracy due to the youth can adapt easily to the technological changes, apply information technology and thus impact the democratization in Malaysia. In conclusion, the development of cyber democracy in Malaysia has contributed to the democratization with the change of regime at the federal level through the 14th general election.

Keywords: *Internet, cyber democracy, democratization, new media, youth*

1. Pengenalan

Perkembangan Internet di dunia sedikit sebanyak telah menyumbang kepada Gelombang Pendemokrasian Ketiga. Pada tahun 2011, negara-negara di kawasan benua Timur Tengah dan Afrika Utara telah mencetuskan satu revolusi yang dibangkitkan oleh rakyat Arab. Revolusi tersebut lebih dikenali sebagai ‘Arab Spring’ atau Revolusi Arab Spring 2011. Mohd Irwan (2018) menjelaskan bahawa ia bermula di sebuah perkampungan kecil di Sidi Bouazid, Tunisia apabila seorang pemuda bernama Muhammad Bouazizi telah membakar dirinya sebagai tindakan protes terhadap kekasaran pegawai penguatkuasa yang telah menyita gerai perniagaan kaki lima beliau. Keadaan tersebut secara tidak langsung menggambarkan bahawa kesusahan hidup yang dihadapi oleh Muhammad Bouazizi sehingga menyebabkan beliau bertindak untuk protes dan juga untuk mewakili penduduk lain yang senasib dengan beliau. Kematian Muhammad Bouazizi telah mendapat perhatian daripada rakyat di dunia Arab dan juga masyarakat dunia menerusi hebahan berita dan gambar di media sosial seperti Facebook dan Twitter. Kesannya, kebanyakan pemerintah di negara-negara Timur Tengah dan Afrika Utara seperti Ben Ali di Tunisia, Hosni Mubarak di Mesir dan Muammar Qaddafi di Libya telah berjaya ditumbangkan ekoran daripada bantahan rakyat terhadap kepimpinan autokratik dan menuntut untuk pemerintahan demokrasi (Gelvin 2015). Penyebaran berita di media sosial sedikit sebanyak telah menyumbang kepada revolusi itu. Secara tidak langsung, fenomena tersebut dapat digambarkan sebagai sebuah proses transformasi sistem demokrasi ke arah pemerintahan yang bercorakkan demokrasi digital atau siber.

Demokrasi siber merupakan satu bentuk kebebasan dalam dunia maya apabila seseorang dapat mengemukakan pandangan di mana-mana platform Internet tanpa sekatan. Gelombang demokrasi siber yang berlaku pada zaman kontemporari ini merupakan gambaran kepada demokrasi langsung di Athens pada zaman Yunani Kuno. Demokrasi Athens hanya melibatkan satu jumlah penduduk yang sedikit dan penyertaan rakyat secara langsung dalam proses membuat keputusan. Sementara itu, demokrasi siber pula bertunjangkan kepada Internet untuk meningkatkan tahap penyertaan rakyat dalam politik (Mohd Faisal 2004:6). Pada peringkat awal, demokrasi digital hanya berkembang di beberapa buah negara maju seperti Amerika Syarikat dan Britain yang mana negara-negara tersebut bertindak untuk mengeksploitasi kecanggihan Internet dalam sistem pemerintahan (Mohd Faisal 2004:6). Malaysia juga sedang mengalami proses demokrasi siber tersebut sejak dari tahun 1999 ketika berlangsungnya Pilihan Raya Umum (PRU) ke-10. Ia berikutan daripada gerakan Reformasi yang berjuang atas isu pemecatan Anwar Ibrahim daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan pemenjaraan Anwar. Sedia maklum bahawa Malaysia telah dikuasai oleh rejim Barisan Nasional sejak tanah air mencapai kemerdekaan. Sehubungan itu, Kunaraja (2014) membahaskan bahawa Malaysia merupakan negara yang bersifat '*competitive authoritarian*' atau semi-demokrasi kerana negara yang bersifat '*competitive authoritarian*' dicirikan sebagai sebuah negara yang dikuasai oleh sesebuah parti politik atau rejim dalam setiap siri pilihan raya untuk satu tempoh masa yang panjang. Namun begitu, BN telah berjaya ditumbangkan oleh parti Pakatan Harapan (PH) menerusi PRU ke-14 pada tahun 2018. Kejatuhan BN pada tahun 2018 menerusi PRU ke-14 juga mempunyai kaitan dengan penggunaan Internet dan media sosial seperti Facebook, Twitter dan Malaysiakini oleh rakyat Malaysia terutamanya dalam kalangan belia. Golongan belia merupakan antara pengguna media baharu yang signifikan dengan demokrasi siber kerana sifat golongan belia yang lebih mudah untuk mengadaptasi perubahan yang dibawa oleh teknologi dan mengaplikasi kemudahan teknologi maklumat dan seterusnya memberikan kesan terhadap pendemokrasian di Malaysia. Oleh itu, kajian ini telah menetapkan tiga objektif iaitu (1) menggambarkan perkembangan demokrasi di Malaysia sejak tahun 1999 sehingga kini, (2) membincangkan penggunaan Internet dan jenis platform media sosial yang digunakan untuk mempengaruhi lapisan masyarakat awam di Malaysia, dan (3) menganalisis kategori golongan masyarakat yang menyokong demokrasi siber dan kesan penggunaan Internet terhadap proses pendemokrasian di Malaysia. Ketiga-tiga objektif tersebut akan dikupas dengan lebih lanjut menerusi bahagian dapatan dan perbincangan kajian.

2. Sorotan Literatur

Topik demokrasi siber merupakan topik yang lazim dikupas dan dibincangkan oleh para akademik. Hal ini demikian kerana demokrasi siber dilihat relevan dengan perkembangan teknologi pada era dunia Revolusi Industri 4.0 ini. Namun, persoalan mengenai pengaplikasian demokrasi siber dalam PRU, sebab-sebab berlakunya peralihan sumber media maklumat dari media tradisional kepada media baru iaitu media sosial dan kesan demokrasi siber di Malaysia agak kurang disentuh menerusi kajian lepas. Sebagai contoh, Zawiyah et al. (2017) menerusi kajiannya "*Civil Disobedience and Cyber Democracy*" berhujah bahawa medium Internet telah mewujudkan pelanggaran sivil atau undang-undang dalam kalangan masyarakat. Walaupun tindakan tersebut

tidak dapat mengganggu gugat kedudukan kerajaan semasa, tetapi ia mewujudkan fenomena demokrasi siber dan meningkatkan kesedaran dan pengetahuan politik dalam kalangan masyarakat untuk menuntut proses pendemokrasian. Kebebasan media di Malaysia bermulapada penghujung tahun 2003 yang mana ketika itu merupakan zaman pemerintahan Abdullah Badawi atau Pak Lah (Muhamad Takiyuddin 2012:77). Justeru, keadaan ini telah memberikan kesan mendalam terhadap PRU ke-12 pada tahun 2008 yang mana BN telah kehilangan tampuk kekuasaan di lima buah negeri. Lima negeri yang mengalami peralihan kuasa adalah Selangor, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Kelantan. Hujahan beliau yang mengatakan penambahan pengetahuan menerusi media itu telah disokong oleh Sohana (2016) dalam kajiannya “Pendemokrasian Internet: Pengaruh Komuniti Elektronik dalam Pilihan Raya Umum Malaysia ke-12”. Sohana juga bersetuju bahawa masyarakat kontemporari lebih bersemangat inkuiri untuk mencari tahu dengan lebih mendalam terhadap sesebuah isu.

Nor Hafizah et al. (2021) dalam kajian “*Social Media, Youths and Political Participation in Malaysia: A Review of Literature*” berhujah berkenaan pengaplikasian media sosial dalam kalangan golongan belia untuk mendalami pengetahuan politik. Di Malaysia, penggunaan Internet dalam kalangan masyarakat mencecah hampir 70 peratus dan mereka meluangkan masa sebanyak 20 jam di media sosial setiap minggu. Media sosial yang dimanfaatkan oleh golongan belia untuk memperoleh pengetahuan politik tidak hanya terhad pada aplikasi Facebook dan Twitter tetapi mereka juga menggunakan YouTube sebagai medium untuk mengembangkan pengetahuan politik dengan menonton video-video ilmiah atau menonton persidangan Parlimen sekiranya disiarkan secara langsung. Kajian partisipasi politik dalam kalangan belia telahpun lama dijalankan oleh sarjana-sarjana lepas. Hal ini demikian kerana kajian seperti ini sentiasa berkembang mengikut peredaran zaman. Buktinya, kajian Fatimah & Ali (2015) yang bertajuk “Partisipasi Politik Belia Secara ‘Online’ Melalui Ruang Demokrasi Maklumat Media Baru” juga berhujah bahawa penggunaan media yang disokong oleh Internet terutamanya dalam kalangan belia telah mewujudkan satu fenomena demokrasi untuk mempengaruhi partisipasi politik dan kelakuan rakyat. Walau bagaimanapun, kedua-dua orang sarjana juga tidak menafikan bahawa terdapat keburukan di sebalik penggunaan media dan Internet dalam memperolehi sesebuah maklumat terutamanya maklumat politik. Seperti yang kita sedia maklum bahawa kemunculan demokrasi siber berpotensi untuk mempengaruhi keputusan pilihan raya ekoran daripada kegiatan penyebaran dan penerimaan maklumat berkenaan dengan manifesto kempen pilihan raya atau isu dan sentimen yang dibangkitkan oleh mana-mana parti politik. Junaidi et al. (2014) dalam kajian “Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 di Malaysia: Suatu Analisis Tsunami Politik Bandar” menganalisis faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya peralihan undi yang agak ketara ketika PRU ke-13. Keadaan ini diistilahkan sebagai ‘tsunami politik bandar’. Sehubungan dengan itu, kajian tersebut mendapati bahawa pengaksesan maklumat politik semasa menerusi laman sosial seperti Facebook, Twitter, laman web dan blog merupakan antara faktor yang menyumbang kepada kegagalan BN dalam meraih majoriti kerusi Parlimen pada ketika itu.

Kajian tersebut membuktikan bahawa pengundi terutamanya yang menetap di bandar menuntut kebebasan bersuara serta berpolitik. Hal ini bermakna bahawa mereka menuntut kebebasan untuk mengakses maklumat politik menerusi medium Internet. Kadar literasi politik dan sifat ingin tahu dalam diri penduduk bandar adalah lebih tinggi berbanding penduduk di luar

bandar di samping penggunaan Internet yang sangat mudah dan relevan dengan zaman moden ini. Ia dapat dibuktikan melalui kajian Ali Salman & Mohd Safar (2011) yang bertajuk “*New Media and Democracy: The Changing Political Landscape in Malaysia*” juga berhujah bahawa perkembangan dan penguasaan Internet di Malaysia telah menjadi sebagai medium penyebaran maklumat untuk mengubah landskap atau corak politik di Malaysia. Hal ini demikian kerana media digital juga telah mempengaruhi keputusan PRU ke-12 yang mana parti BN telah kehilangan lima buah negeri.

Justeru, pihak kerajaan di sesebuah negara demokrasi tidak mempunyai hak dan kuasa untuk menyekat kebebasan media yang semakin signifikan dalam kehidupan rakyat Malaysia. Pauline (2019) menerusi bukunya iaitu “*Malaysian Politics in the New Media Age: Implications on the Political Communication Process*” menekankan bahawa Facebook menjadi medium utama untuk hebahan kempen parti-parti politik utama dalam PRU ke-14 pada tahun 2018. Buktinya pada malam sehari sebelum PRU ke-14, PH memuat naik sekurang-kurangnya 6 buah hantaran (*posting*) manakala BN pula memuat naik sebanyak 27 buah hantaran di laman rasmi Facebook parti masing-masing. Walau bagaimanapun, WhatsApp juga menjadi medium utama dalam PRU ke-12 untuk menghebahkan pesanan-pesanan kempen politik.

Kajian Zawiyah & Mohammad Agus (2014) yang bertajuk “Internet dan Kebangkitan Demokrasi Siber di Malaysia: Analisis Pilihan Raya Umum 1999 dan 2008” berhujah bahawa penggunaan Internet yang meluas pada PRU ke-10 dan PRU ke-12 telah mewujudkan satu fenomena demokrasi yang baru yang dikenali sebagai demokrasi siber. Menerusi fenomena tersebut, rakyat mempunyai kebebasan untuk memberikan idea dan pandangan berkenaan sesebuah isu melalui alam maya. Fenomena demokrasi siber ini juga sedikit sebanyak telah memberi manfaat kepada pihak pembangkang yang mana mereka mengambil peluang untuk menghebahkan dan menyebarkan isu-isu politik semasa dengan melalui medium Internet sahaja. Menerusi PRU ke-10, isu reformasi 1998 yang berikutan daripada isu pemecatan Anwar Ibrahim daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri merupakan antara isu yang dikempenkan untuk menjatuhkan rejim pemerintah BN. PRU ke-12 pula dihangatkan dengan isu politik dan pentadbiran Abdullah Badawi. Setiap lapisan masyarakat mengakses maklumat berkenaan dengan isu-isu tersebut dengan hujung jari sahaja dan seterusnya mempengaruhi kelakuan mereka ketika menjalankan tanggungjawab ketika mengundi. Sehubungan dengan itu, fenomena tersebut telah memberi kesan yang mendalam kepada rejim pemerintah menerusi PRU ke-10 dan PRU ke-12. Oleh yang demikian, fenomena demokrasi siber ini masih lagi berterusan. Ia dapat dibuktikan menerusi kajian pada pasca PRU ke-14 oleh Junaidi et al. (2020). Kajian tersebut bertajuk “Pola Pengundian dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) 2018 Malaysia di Kawasan Bandar dan Luar Bandar” membuktikan bahawa keputusan PRU ke-14 adalah dipengaruhi oleh kebebasan bersuara, bermedia dan berpolitik dalam kalangan pengundi bandar.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Oleh yang demikian, kajian ini memfokuskan kepada data teks berbanding data statistik. Pertama, kaedah kepustakaan dengan mendapatkan sumber bahan sekunder seperti buku, jurnal dan artikel di Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL). Walau bagaimanapun, bahan-bahan rujukan dengan kuantiti yang banyak tidak dapat diakses di PTSL

ekoran daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan di Malaysia bagi memutuskan rantai pandemik Covid-19. Oleh yang demikian, kajian ini hanya terbatas dengan perolehan bahan rujukan dari sumber dalam talian. Bahan rujukan yang diperolehi secara dalam talian adalah seperti jurnal, buku, makalah dan artikel. Antara laman web sumber rujukan yang diakses adalah seperti UKM e-Journal dan UM Students' Repository. Setelah memperoleh bahan-bahan rujukan, pengkaji melakukan analisis dengan mendalam melalui pembacaan untuk melihat perkembangan sistem demokrasi di Malaysia dari semasa ke semasa terutamanya pada era pasca PRU ke-10 sehingga kini.

4. Dapatan dan Perbincangan

Bahagian ini akan membincangkan dapatan kajian berdasarkan ketiga-tiga objektif yang telah ditetapkan menerusi kajian ini iaitu (1) menggambarkan perkembangan demokrasi di Malaysia sejak tahun 1999 sehingga kini, (2) membincangkan penggunaan Internet dan jenis platform media sosial yang digunakan untuk mempengaruhi lapisan masyarakat awam di Malaysia, dan (3) menganalisis kategori golongan masyarakat yang menyokong demokrasi siber dan kesan penggunaan Internet terhadap proses pendemokrasian di Malaysia.

4.1 Perkembangan Demokrasi Menerusi Pilihan Raya Umum di Malaysia

Rejim BN yang telah memerintah Malaysia lebih dari 60 tahun telah berjaya ditumbangkan sepenuhnya pada tahun 2018. Populariti BN semakin berkurang sejak dari PRU ke-10 pada tahun 1999 ekoran daripada Reformasi yang diketuai oleh Anwar Ibrahim. Secara tidak langsung ia juga jelas menggambarkan bahawa Anwar Ibrahim mempunyai pengaruh luas terutamanya dalam kalangan anak muda yang menuntut perubahan dan sekali gus membuktikan bahawa ketidakrelevanan BN di mata rakyat Malaysia. Menerusi dapatan kajian, BN telah mengalami penurunan undi dalam setiap siri PRU bermulanya dari PRU 1999 seiring dengan perkembangan Internet pada ketika itu. Perkembangan Internet dan media sosial di Malaysia telah menjadikan rakyat Malaysia lebih bersifat informatif dan lebih cakna akan isu-isu semasa yang terjadi di dalam dunia politik.

BN telah mengalami kemerosotan yang sangat ketara menerusi PRU ke-13 iaitu hanya memenangi sebanyak 133 kerusi Parlimen berbanding dengan PRU ke-12 sebanyak 140 kerusi. Sebaliknya, pakatan pembangkang iaitu Pakatan Rakyat (PR) telah memperlihatkan prestasi yang memberangsangkan dalam pilihan raya tersebut dengan memenangi sebanyak 89 kerusi Parlimen. Jumlah tersebut merupakan satu peningkatan berbanding dengan jumlah kerusi Parlimen sebanyak 82 kerusi yang dimenangi oleh PR pada PRU ke-12 seperti yang dinyatakan menerusi Jadual 2.8 (Jamaie et al. 2014:48). Keadaan tersebut juga menggambarkan bahawa BN tidak berjaya memenangi majoriti 2/3 di Parlimen dan sekali gus membuktikan penolakan pengundi terhadap BN. Hal ini kerana jumlah undi keseluruhan yang diperolehi BN hanya 5.2 juta berbanding dengan PR sebanyak 5.5 juta. Walaupun begitu, BN masih kekal sebagai pemerintah pusat walaupun perlu berdepan dengan situasi dan persaingan sengit. Menerusi keputusan PRU ke-14 pada tahun 2018, ia jelas menyaksikan penolakan rakyat Malaysia terhadap rejim BN dan BN gagal untuk mengekalkan tampuk kekuasaan di peringkat persekutuan. Jadual 4.2 menggambarkan bahawa

BN telah gagal memperoleh undi majoriti dan hanya meraih sebanyak 79 kerusi berbanding dengan PH yang meraih sebanyak 121 kerusi di Parlimen. Di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN), BN hanya meraih 166 kerusi berbanding dengan PH yang berjaya meraih sebanyak 247 kerusi.

JADUAL 1. Perbandingan Kerusi Parlimen yang Dimenangi oleh BN dan PR pada PRU 2008 dan PRU 2013

Parti	PRU 2008 (Kerusi Parlimen)	PRU 2013 (Kerusi Parlimen)
BN	140	133
PR	82	89
Jumlah	222	222

Sumber: Jamaie et al. (2014)

JADUAL 2. Keputusan PRU-14 di Peringkat Parlimen dan DUN di Malaysia

Parti	Jumlah Kerusi Dimenangi (Parlimen)	Jumlah Kerusi Dimenangi (DUN)
BN	79	166
PH	121	247
PAS	18	90
Bebas	3	0
Lain-lain	1	2
Jumlah	222	505

Sumber: Shahidah et al. (2019)

4.2 *Perkembangan Internet, Media Massa dan Politik di Malaysia*

Perkembangan Internet di dunia banyak memberi manfaat kepada masyarakat dunia dalam menjalankan kehidupan harian. Malaysia juga antara negara yang mendapat manfaat daripada Internet. Penggunaan Internet di Malaysia telah diadaptasi dan dipraktikkan dengan baik oleh rakyat Malaysia untuk memperoleh maklumat-maklumat terkini sama ada pada peringkat nasional ataupun global. Secara tidak langsung, perkembangan Internet di Malaysia telah menyebabkan berlakunya evolusi platform media daripada media tradisional iaitu media cetak kepada media baharu iaitu media sosial seperti Facebook, Twitter dan Malaysiakini sebagai medium untuk mendapatkan maklumat politik. Keadaan ini berlakunya juga disebabkan oleh kawalan media tradisional yang ketat oleh pihak pemerintah (BN pada ketika itu). Pihak pemerintah akan sentiasa memastikan media arus perdana terus bersifat pro-kerajaan. Terdapat pelbagai undang-undang yang diperuntukkan untuk mengawal kebebasan media arus perdana seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan Akta ISA. Di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, pihak kerajaan mensyaratkan semua akhbar dan penerbitan berkala di Malaysia untuk memohon lesen mesin cetak dan permit penerbitan (Portal Rasmi Kementerian Dalam Negeri 2012). Pihak kerajaan juga mengekalkan struktur pemilikan surat khabar arus perdana bagi memastikan media arus perdana terus bersifat pro kerajaan. Sebagai contoh, UMNO bertanggungjawab untuk mengawal surat khabar arus perdana seperti Berita Harian (BH), Utusan Melayu (Malaysia) (UM) dan New Straits Times (NST). MCA pula memainkan peranan dalam mengawal The Star, Sin Chew (星洲),

Nanyang Siang Pau (南洋商報) dan China Press (中國報). Penerbitan akhbar-akhbar tersebut secara tidak langsung juga telah menggambarkan kepelbagaian etnik dan bahasa di Malaysia. Jadual 4.3 merupakan penerbitan akhbar-akhbar tempatan mengikut kategori jenis bahasa di Malaysia.

JADUAL 3. Penerbitan Akhbar-akhbar Tempatan Mengikut Kategori Jenis Bahasa di Malaysia

Bahasa	Jenis Akhbar Tempatan
Bahasa Melayu	Harian Metro (HM) Berita Harian (BH) Utusan Malaysia (UM) - Kosmo
Bahasa Mandarin	Sin Chew Daily China Press Guang Ming Daily Nanyang
Bahasa Inggeris	Star New Straits Times (NST)Sun
Bahasa Tamil	Malay Mail Nanban

Sumber: Abbott (2011:4)

Kawalan media tersebut sedikit sebanyak telah menjadikan rakyat semakin bosan dan mula beralih kepada media baru dan seterusnya telah menggugat kedudukan pemerintah ketika itu. Media sosial dilihat sangat popular dan diterima oleh rakyat Malaysia terutamanya pada era tahun 1998 sewaktu tercetusnya gerakan Reformasi. Media-media baharu ini bukan sahaja terhad kepada penggunaan oleh rakyat, tetapi ia juga dijadikan alat oleh ahli-ahli politik untuk mendekati masyarakat pada era digital ini. Pelbagai isu politik dan berita telah disiarkan di media sosial tanpa dibatasi oleh jarak dan waktu.

4.3 *Kategori Pengguna Internet dan Kesan Demokrasi Siber di Malaysia*

Pengguna Internet meningkat secara drastik dari tiga juta orang pengguna pada tahun 1994 kepada 400 juta orang pada akhir tahun 2000 di seluruh dunia. Jumlah pengguna Internet tidak berhenti di situ malah terus meningkat menjadi satu bilion pengguna di seluruh dunia pada tahun 2005 (Mokmin Basri 2005:1). Menurut Johnson (2022), statistik pada Disember tahun 2021 merekodkan bahawa terdapat seramai 4.95 bilion pengguna Internet di dunia. Sekiranya jumlah penggunaan Internet dilihat menerusi benua dunia, benua Asia mencatatkan rekod tertinggi dengan jumlah 2.8 bilion pengguna manakala benua Eropah mencatatkan kedua tertinggi dengan jumlah hampir 736 juta pengguna (Johnson 2021). Benua Asia mencatatkan pengguna Internet yang tertinggi adalah disebabkan faktor jumlah populasi penduduk yang tinggi di negara-negara Asia seperti China (35.7%) dan India (27.3%) (Ganbold 2022). Justeru, Internet juga berkembang di negara membangun seperti Malaysia. Walau bagaimanapun, tujuan awal penggunaan Internet di

Malaysia adalah berbeza daripada apa yang berlaku di Amerika Syarikat. Hal ini kerana penggunaan Internet di Malaysia adalah bertujuan bagi menjalankan aktiviti penyelidikan dan komunikasi berbanding di Amerika Syarikat yang lebih bertujuan untuk mengukuhkan lagi sistem pertahanan negara dan badan ketenteraan (Adnan & Kamaliah 2000:120). Pada tahun 2020, statistik membuktikan bahawa sebanyak 88.7% pengguna Internet di Malaysia dan angka tersebut merupakan satu peningkatan sebanyak 1.3% berbanding pada tahun 2018 (87.4%) (SKMM 2020).

Sehingga Januari 2021, Malaysia terdiri daripada 28 juta orang pengguna media sosial. Jumlah tersebut merupakan satu peningkatan sebanyak 2 juta pengguna daripada tahun 2020 dan tahun 2021 (Simon Kemp 2021). Golongan belia yang menetap di kawasan bandar dilihat lebih cenderung sebagai pengguna Internet dan media sosial dalam mendapatkan sesebuah maklumat. Hal ini demikian kerana sumber maklumat Internet dapat diakses dengan lebih mudah, cepat dan terbuka serta maklumat yang diperoleh adalah seimbang antara pihak kerajaan dan pembangkang (Fatimah & Ali 2015). Keadaan ini dapat dibuktikan menerusi Jadual 4.4 yang menggambarkan statistik jumlah pengguna Facebook di Malaysia pada tahun 2022 mengikut kategori umur.

JADUAL 4. Jumlah Pengguna Facebook di Malaysia pada Tahun 2022 Mengikut Kategori Umur

Kategori Umur	Jumlah Pengguna
13 tahun -17 tahun	892200
18 tahun - 24 tahun	4100000
25 tahun - 34 tahun	7800000
35 tahun - 44 tahun	5000000
45 tahun - 54 tahun	2900000
55 tahun - 64 tahun	1700000
65 tahun ke atas	912500

Sumber: Ahmad Naim (2022)

Perkembangan dalam penggunaan Internet di Malaysia sedikit sebanyak telah memberikan kesan kepada politik dan pengamalan demokrasi di Malaysia. Terdapat implikasi positif dan implikasi negatif terhadap pendemokrasian di Malaysia ekoran daripada penggunaan Internet yang meluas. Antara implikasi positif adalah dapat menggalakkan dan meningkatkan partisipasi politik oleh rakyat terutamanya dalam kalangan anak muda. Keadaan ini juga secara tidak langsung telah mewujudkan ruang interaksi dalam komunikasi politik dan seterusnya menyuarakan pandangan, melahirkan ketidakpuasan, kritikan dan sebagainya melalui ruang maya. Keadaan ini secara tidak langsung dapat mempengaruhi sikap pengundi. Ia juga telah menggambarkan bahawa media sosial telah berjaya mengukuhkan proses pendemokrasian di Malaysia khususnya aspek kebebasan bersuara (Badrul Azmier 2019:158). Media sosial juga turut diaplikasikan oleh golongan elit politik. Kebiasannya, Facebook merupakan salah satu platform media sosial yang digunakan oleh ahli-ahli politik Malaysia yang berpengaruh untuk mereka berhubung dengan masyarakat awam di samping bertujuan untuk memancing undi (Shafizan & Kamaruzzaman 2020).

Selain itu, kewujudan pelbagai laman web yang kritikal seperti Malaysiakini, MalaysiaToday dan Aliran. Laman-laman web tersebut dijadikan sebagai platform kepada parti pembangkang untuk mendedahkan penyelewengan kuasa seperti isu rasuah yang berlaku dalam kerajaan. Sehubungan itu, rakyat juga dapat memperoleh maklumat alternatif berkaitan dengan kepincangan

kerajaan yang tidak dilaporkan oleh media perdana (Zawiyah Mohd Zain et al. 2015:64). Keadaan tersebut telah mewujudkan satu istilah baru iaitu *'netcitizen'* yang bergantung sepenuhnya kepada Internet untuk mendapatkan maklumat.

Namun begitu, penggunaan Internet dan media sosial juga turut memberi kesan negatif dengan mencetuskan perselisihan faham ekoran daripada maklumat yang bersifat menyinggung perasaan (*offensive*). Sebagai contoh dalam konteks PRU ke-12 di Malaysia, banyak laman web dan blog di negara ini yang memuatkan cerita-cerita tentang keburukan BN. Keadaan ini secara tidak langsung telah mempengaruhi pemikiran segelintir pengundi. Persepsi mereka ini dimanifestasikan ke dalam bentuk memilih siapa yang mereka undi dalam pilihan raya (Mohd Fuad et al. 2012). Kesannya, BN menerusi PRU ke-12 hanya memenangi 140 kerusi Parlimen dan pihak pembangkang pula telah berjaya memenangi 82 kerusi. Ia adalah berikutan daripada keupayaan PR dalam menggunakan media sosial dengan optimum untuk menyebarkan maklumat politik dan membangkitkan isu rasuah yang dilakukan oleh BN (Badrul Azmier 2019:156). Selain itu, perkembangan penggunaan Internet dan media sosial juga telah mewujudkan jurang partisipasi politik antara penduduk bandar dan luar bandar ekoran daripada ketersediaan dari segi kemudahan teknologi dan Internet. Kebanyakan kawasan luar seperti di Kelantan berhadapan dengan kesukaran untuk mengakses kestabilan Internet. Keadaan ini akan menyebabkan penduduk luar bandar mengalami kelewatan untuk memperoleh maklumat-maklumat terkini terutamanya berkaitan politik.

5. Rumusan dan Cadangan

Secara keseluruhannya, kajian ini telah meneroka, menganalisis dan menilai perkembangan demokrasi siber pasca PRU ke-10 pada tahun 1999 sehingga kini. Berdasarkan daripada tiga objektif yang ditetapkan dalam kajian ini, kajian ini juga telah menemukan tiga dapatan penting, Pertama, perkembangan demokrasi di Malaysia dapat dilihat menerusi siri-siri PRU sejak tahun 1990-an. Menerusi siri-siri PRU tersebut, BN yang merupakan pemerintah dominan yang menguasai pentadbiran pusat di Malaysia sedikit sebanyak telah mengalami kemerosotan selepas kemunculan dan perkembangan Internet di Malaysia. BN pada akhirnya tewas sepenuhnya oleh gabungan parti-parti pembangkang iaitu PH menerusi PRU ke-14 pada tahun 2018. Keadaan ini juga secara tidak langsung telah menggambarkan perubahan pemikiran rakyat khususnya penduduk di kawasan bandar. Kedua, dapat dilihat bahawa berlakunya peralihan medium maklumat politik daripada media tradisional kepada media baru iaitu media sosial. Antara media baru yang sering digunakan oleh rakyat Malaysia ialah Facebook, Twitter dan Malaysiakini. Penggunaan media baru ini bukan sahaja terhad kepada masyarakat awam, malahan ia juga dimanfaatkan oleh golongan elit politik untuk mendekati rakyat di samping bertujuan untuk memancing undi terutamanya ketika musim pilihan raya. Ketiga, kajian ini juga mendapati bahawa kategori pengguna Internet dan media baru adalah terdiri daripada golongan belia. Selain daripada merencanakan perkembangan demokrasi siber di Malaysia, penggunaan Internet dan media baru juga telah memberikan kesan positif dan negatif. Antara kesan positif adalah menggalakkan dan meningkatkan partisipasi politik oleh rakyat terutamanya dalam kalangan anak muda, telah mewujudkan laman-laman web yang bersifat kritis seperti

Malaysiakini. Walau bagaimanapun, perkembangan demokrasi siber di Malaysia juga memberikan impak negatif seperti mencetuskan perselisihan faham ekoran daripada maklumat yang bersifat menyinggung perasaan dan mewujudkan jurang partisipasi politik antara penduduk bandar dan luar bandar ekoran daripada kekurangan dari segi ketersediaan infrastruktur. Oleh itu, cadangan kajian seterusnya adalah berkaitan dengan pengaruh media sosial pasca pandemik *Coronavirus 2019* (Covid-19) di Malaysia. Hal ini demikian kerana kita dapat lihat berlakunya pergolakan politik di Malaysia ketika peringkat awal pandemik Covid-19. Pengkaji percaya bahawa Internet dan media sosial sangat memainkan peranan pada ketika itu ekoran daripada kerajaan menitikberatkan sudut pandang rakyat Malaysia. Sehubungan itu, media sosial akan kekal relevan dan menjadi platform utama kepada masyarakat awam di Malaysia dalam memperoleh maklumat terutamanya berkenaan dengan politik.

Rujukan

- Abbott, J.P. (2001). Electoral Authoritarianism and the Print Media in Malaysia: Measuring Political Bias and Analyzing Its Cause. *Asian Affairs: An American Review* 38(1):1-38. <http://dx.doi.org/10.1080/00927678.2010.520575> [12 April 2022].
- Ahmad Naim. (2022). *Malaysia Facebook Users Statistics 2022*. Monocal. <https://www.monocal.com/guide/malaysia-facebook-users-statistics/#:~:text=The%20young%20adult%20population%20ranging,%2C%2044%25%20of%20the%20group.> [7 Jun 2022].
- Ali Salman & Mohd Safar Hasim. (2011). New Media and Democracy: The Changing Political Landscape in Malaysia. *Akademika: Journal of Southeast Asia Social Sciences and Humanities* 81(1):15-21. <https://ejournal.ukm.my/akademika/article/view/506/4105> [15 Julai 2021].
- Badrul Azmier Mohamed @ Bakar. (2019). *Media Sosial dalam PRU-13 dan Impaknya terhadap Politik Malaysia*. Tesis Dr. Fal., Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fatimah Akmal & Ali Salman. (2015). Partisipasi Politik Belia Secara 'Online' Melalui Ruang Demokrasi Maklumat Media Baru. *Jurnal Komunikasi* 31(1):81-100. <https://ejournal.ukm.my/mjc/article/view/14957> [11 Julai 2021].
- Gelvin, J. L. (2015). *The Arab Uprisings : What Everyone Needs to Know - Second Edition*. Oxford:Oxford University Press.
- Jamaie Hj. Hamil, Faris Afiq Ikhwan Saifullah, Muhammad Suhaimi, Abdul Rahman, Mahfudzah Mustafa, Russli Kamaruddin & Muhamad Nadzri Mohamed Noor. (2014). Ikhtisar Analisis Pilihan Raya Umum 1978 hingga 2013 di Malaysia. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space* 10(1):39-53. <https://core.ac.uk/reader/33342794> [27 November 2021].
- Junaidi Awang Besar, Ahmad Rizal Mohd Yusof, Amer Saifude Ghazali, Mazlan Ali, Nur Azuki Yusuff, Nasir Nayan & Siti Noranizahhafizah Boyman. (2020). Pola Pengundian dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) 2018 Malaysia di Kawasan Bandar dan Luar Bandar. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)* 5(19):128-144.

- <http://ir.umk.edu.my/bitstream/123456789/1095/1/ARTIKEL%20IJLGC%20PRU%202018%20POLA%20BANDAR%20DAN%20LUAR%20BANDAR-2020-19-06-10.pdf>
[16 Julai 2021].
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saufude Ghazali, Mohd Azlan Abdullah, Mazlan Ali, Ahmad Rizal Mohd Yusof. (2014). Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 di Malaysia: Suatu Analisis 'Tsunami Politik Bandar'. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space* 10(1):28-38. <https://ejournal.ukm.my/gmjss/article/view/18597/5932> [14 Julai 2021].
- Ku Hasnan Ku Halim, Ainudin Lee Iskandar Lee & Suhaimi Sulaiman. (2012). UMNO dan Krisis: Penelitian kepada Krisis Dalam Kes Terpilih. *Journal of Techno-Social* 4(2):103-115. <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/JTS/article/view/1435> [25 Januari 2022].
- Kunaraja, A. A. S. (2014). *Democracy in Authoritarian States? Political Change and Regime Stability in Malaysia and Singapore*. Tesis S.Sa, Victoria University of Wellington. <https://researcharchive.vuw.ac.nz/xmlui/bitstream/handle/10063/3730/thesis.pdf?sequence=2> [15 Disember 2021].
- Mazlan Ali. (1998). *Hubungan Semangat 46 dan PAS 1988-1996: Satu Tinjauan terhadap Politik Malaysia*. Laporan Penyelidikan Sarjana Pentadbiran Awam, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya. <http://studentsrepo.um.edu.my/2394/> [16 November 2021].
- Mohd. Faisal Syam Abdul Hazis. (2004). Demokrasi Digital di Malaysia. Dlm. Mohd Faisal Syam Abdul Hazis, Ahmad Nizar Yaakub & Ahi Sarok (pnyt.). *Perkembangan Politik-Ekonomi di Malaysia dan Asia Timur*, hlm. 1-8. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali & Novel Lyndon. (2012). Akses kepada Internet dan Kesannya terhadap Partisipasi Politik Penduduk di Negeri Johor. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space* 8(6):76-89. <https://core.ac.uk/download/pdf/11494473.pdf> [27 Mei 2022].
- Mohd Irwan Syazli Saidin. (2018). Persepsi dan Pengaruh Arab Spring terhadap Gerakan Angkatan Belia Islam Malaysia. *Akademika* 8(1):91-106. <http://journalarticle.ukm.my/11950/1/17489-73988-1-PB.pdf> [27 Mei 2022].
- Muhamad Takiyuddin Ismail. (2012). Abdullah Ahmad Badawi dan Nikita Khrushchev sebagai Reformis: Suatu Perbandingan. *Kajian Malaysia* 30(1):71-106. [http://web.usm.my/km/30\(1\)2012/KM%20ART%204\(71-106\).pdf](http://web.usm.my/km/30(1)2012/KM%20ART%204(71-106).pdf) [27 Mei 2022].
- Nor Hafizah Abdullah, Isyaku Hassan, Muhamad Fazli Ahmad, Nor Azlili Hassan & Mohd Mahadee Ismail. (2021). Social Media, Youths and Political Participation in Malaysia: A Review of Literature. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 11(4):845-857.
- Pauline Leong P.Y. (2019). *Malaysian Politics in the New Media Age: Implications on the Political Communication Process*. Singapore: Springer Nature Singapore Pte Ltd.
- Shafizan Mohamed & Kamaruzzaman Abdul Manan. (2020). Facebook and

- Political Communication: A Study of Online Campaigning during the 14th Malaysian General Election. *International Islamic University Malaysia Journal of Human Sciences* 2(1):1-13. <https://journals.iium.edu.my/irkh/index.php/ijohs/article/view/112/45> [22 April 2022].
- Sohana Abdul Hamid. (2016). Pengaruh Media Massa terhadap Perubahan Sosial Masyarakat. *Journal of Social Sciences and Humanities* Special Issue 1:214-226.
- Zawiyah Mohd Zain, Mohammad Agus Yusoff & Zaheruddin Othman. (2015). Internet dan Kebangkitan Demokrasi Siber di Malaysia: Analisis Pilihan Raya Umum 1999 dan 2008. *Geografia: Malaysia Journal of Society and Space* 11(6):56-66. <http://journalarticle.ukm.my/9191/> [21 Jun 2021].
- Zawiyah Mohd Zain, Zaheruddin Othman, Zalinah Ahmad, Mohd Fitri Abdul Rahman, Mohd Na'iem Ajis, Kamaruddin Ngah & Mohammad Agus Yusoff. (2017). Civil Disobedience and CyberDemocracy. *Mediterranean Journal of Social Science* 8(4):9-16. <https://www.mcser.org/journal/index.php/mjss/article/view/9989/9622> [5 Julai 2021].